



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | | |
| TARIKH | : | 9/8/2021 (ISNIN) | MUKA SURAT | : | 14 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

Kebun buah-buahan penduduk kampung musnah dalam sekelip mata

Kosmo, 9 Ogos
2021_14

Menggigil lihat gajah naik minyak

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seorang pekebun menggigil ketakutan selepas ternampak dua ekor gajah liar mengamuk dan mengeluarkan bunyi yang kuat ketika memusnahkan kebun pisangnyanya dalam kejadian di Kampung Subong di sini baru-baru ini.

Mokhtar Osman, 42, berkata, dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi itu, dia terus melarikan diri kerana bimbang berlaku kejadian yang tidak diinginkan sebelum memaklumkan kepada pekebun lain.

Katanya, kehadiran haiwan liar itu menyebabkan kira-kira 500 tanaman seperti pisang, kelapa dan buah-buahan musnah hanya dalam sekelip mata.

"Ketika ini orang kampung takut untuk pergi ke kebun bagi mengambil hasil buah-buahan mereka kerana amukan gajah dua beranak itu begitu menakutkan.

"Ini merupakan kejadian kali ketiga berlaku selepas kebun


getah dan buah-buahan kami dimusnahkan oleh dua ekor gajah liar itu sejak lima hari lalu," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, kawasan itu mempunyai kira-kira 100 pekebun dan mereka resah dengan kejadian tersebut.

Menurut Mokhtar, sebelum ini, seekor gajah jantan liar dipercayai mengamuk dan memijak dua ekor lembu ternakan penduduk hingga mati di kawasan kampung itu pada April lalu.

Seorang lagi pekebun, Abdulah Abdul Ghafar, 60, berkata, serangan gajah itu berlaku dalam tempoh empat bulan sejak haiwan itu menyerang kebun mereka bulan April lalu.

Sehubungan itu, katanya, penduduk kampung berharap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dapat memindahkan dua ekor haiwan liar itu seperti yang dilakukan terhadap gajah yang mengamuk empat bulan lalu.



SEORANG pekebun melihat tanaman pisang yang dimusnahkan gajah liar di kebun mereka di Kampung Subong, Gua Musang semalam.